

NAMA :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

TINGKATAN :

--	--	--	--

1249/1
Sejarah
Kertas 1
Okt / Nov
2010
1 jam



**JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
PERSATUAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010

SEJARAH

Kertas 1
Masa : Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.
4. Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan.
5. Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

ARAHAN : *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*

1. Mengapakah lembah sungai menjadi pusat pembentukan tamadun awal manusia?

- A Kesuburan tanah
- B Kekayaan hasil bumi
- C Jaminan keselamatan
- D Tempat pelancongan

2. Apakah lambang kekayaan sesebuah negara kota dalam tamadun Mesopotamia?

- A Keindahan istana
- B Kesibukan pelabuhan
- C Susunan bangunan
- D Bentuk pintu gerbang

3. Jadual berikut merujuk kepada sistem pemerintahan yang diamalkan di Athens.

Pemerintahan	Ketua
Beraja	Ketua
Tirani	Golongan kaya atau tentera
Oligarki	X

Apakah X?

- A Senat
- B Pendeta
- C Konsul
- D Bangsawan

4. Jadual berikut merujuk kepada pemerintah tamadun Indus.

Tamadun	Tokoh
India	Chandragupta Maurya

Bagaimanakah tokoh tersebut melaksanakan dasar perluasan empayar?

- A Melantik wakil pemerintah
- B Menyerang kerajaan pusat
- C Menguatkan angkatan tentera
- D Menyatukan kerajaan-kerajaan kecil

- 5 Apakah peranan golongan Brahmin dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara?
- A Mengetuai upacara keagamaan
 - B Menjaga keamanan dalam negara
 - B Menggubal undang-undang bertulis
 - D Memutuskan hukuman terhadap pesalah
- 6 Apakah kepentingan bahasa sanskrit kepada masyarakat kerajaan awal di Asia Tenggara ?
- I Meningkatkan tahap intelek
 - II Menjadi tulisan inskripsi lama
 - III Merupakan bahasa rasmi kerajaan awal
 - IV Mengembangkan kesusasteraan Islam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Apakah kesan amalan sistem kabilah dalam masyarakat Arab Jahiliah ?
- A Memulakan persaingan kuasa
 - B Memantapkan sistem pentadbiran
 - C Mewujudkan semangat assabiyah
 - D Memperkukuh perpaduan antara suku
- 8 Mengapakah orang Arab Quraisy Makkah menentang ajaran Islam ?
- A Paksaan memeluk Islam
 - B Prinsip persamaan taraf
 - C Perbezaan dari segi pangkat
 - D Pemimpin daripada suku berlainan

9. Sebaik berhijrah ke Madinah, langkah pertama Nabi Muhammad s.a.w. ialah membina Masjid al-Nabawi.

Mengapakah baginda berbuat demikian?


- A Membuktikan keimanan
 - B Kawasan persinggahan musafir
 - C Menandakan kekuatan agama Islam
 - D Tempat menjalankan pelbagai aktiviti
10. Jadual berikut menunjukkan tokoh yang memberi sokongan kepada penghijrahan Rasulullah ke Madinah.

Tokoh	Sokongan
Ali Abu Talib	Tidur di tempat Rasulullah
Asma Abu Bakar	Menghantar makanan

Apakah nilai murni yang boleh dicontohi daripada tokoh tersebut?

- A Toleransi
 - B Perpaduan
 - C Pengorbanan
 - D Bersatu padu
11. Antara berikut yang manakah usaha Khalifah Abu Bakar dalam melicinkan pentadbirannya.
- A Menyusun sistem cukai
 - B Mewujudkan jawatan amir
 - C Menubuhkan majlis syura
 - D Menyelaras bacaan al- Quran

- 12 Rajah berikut merujuk kepada faktor kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyah.



Apakah X?

- A Kemerostan perdagangan
 B Serangan tentera Monggol
 C Tentangan golongan Mawali
 D Pertambahan pesat penduduk
13. Maklumat berikut menunjukkan gelaran yang telah diberikan kepada Aceh.

Serambi Mekah

Apakah yang menyebabkan Aceh digelar sedemikian?

- A Tempat persinggahan sebelum menunaikan haji
 B Kepadatan perkembangan institusi pendidikan
 C Kedudukannya berdekatan dengan tanah suci
 D Penduduk yang patuh kepada agama Islam
- 14 Apakah bidang yang berkaitan dengan sistem berikut?

- Rangkang
- Muenasah
- Jamiah Bait al-Rahman

- A Ekonomi
 B Kesihatan
 C Pendidikan
 D Pentadbiran

15. Bagaimanakah Melaka menyebarkan Islam ke seluruh Alam Melayu ?

- I Diplomatik
- II Perkahwinan
- III Kegiatan intelektual
- IV Bantuan negara jiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Senarai berikut merujuk kepada hasil rempah yang didagangkan di Melaka.

- | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Buah pala • Lada hitam • Bunga cengkih |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah sistem timbangan yang digunakan untuk menimbang hasil tersebut?

- A Bahara
- B Cupak
- C Kilogram
- D Gantang

17. Jadual berikut merujuk kepada perkembangan zaman Renaissance pada kurun ke-14.

Negara	Penaung
Rom	Paus
Itali	X

Apakah X ?

- A Gereja
- B Pemerintah
- C Tuan tanah
- D Pedagang kaya

- 18 Maklumat berikut merujuk kepada akta yang diperkenalkan pada permulaan zaman Revolusi Perindustrian di Eropah.

Akta Antipenggabungan.

Apakah implikasi akta tersebut kepada pekerja?

- A Kenaikan gaji dihalang
 - B Wanita dilarang bekerja
 - C Pergaulan pekerja disekat
 - D Eksploitasi pekerja dilarang
- 19 Apakah fungsi 'komprador' dalam sistem perbankan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19?
- A Pelabur asing
 - B Pengusaha bank
 - C Penaja peminjam
 - D Pemegang saham
20. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar British terhadap pekebun kecil di Tanah Melayu.

Enakmen Tanah Padi 1917

Apakah matlamat British memperkenalkan enakmen tersebut?

- A Meningkatkan kesuburan tanah
- B Menambahkan pendapatan negara
- C Menyaingi pengeluaran negara luar
- D Mengekalkan orang Melayu sebagai petani

21 Mengapakah corak gerakan nasionalisme di Asia Tenggara berubah daripada sederhana kepada radikal?

- A Pengaruh luar negeri
- B Perjuangan tidak berkesan
- C Kekurangan sumber kewangan
- D Sokongan pemerintah tempatan

22 Apakah tindakan Jose Rizal setelah gerakan dakyah gagal mencapai matlamatnya?

- A Menubuhkan Katipunan
- B Membentuk Liga Filipina
- C Melancarkan revolusi bersenjata
- D Menyebarkan fahaman melalui akhbar

23 Jadual berikut menunjukkan kerajaan yang dibentuk oleh Tok Janggut di Pasir Puteh pada tahun 1915

Tokoh	Jawatan
Engku Besar Jeram	Raja
Che Ishak	Pegawai Daerah
Tok Janggut	X

Apakah X?

- A Bendahara
- B Setiausaha
- C Menteri Besar
- D Perdana Menteri

24 Mengapakah Gerakan Islah boleh berkembang di Negeri-Negeri Selat?


- A Banyak sumber kewangan
- B Ramai pemimpin berkaliber
- C Tiada sekatan undang-undang
- D Sokongan pemerintah tempatan

25. Senarai berikut merujuk kepada negeri-negeri warisan Kesultanan Melayu Melaka.

- Johor
- Perak
- Pahang

Mengapakah negeri tersebut dianggap sedemikian?

- A Merupakan negeri naungan
 B Mengamalkan Adat Perpatih
 C Berkahwin dengan kerabat diraja
 D Menggunakan sistem Empat Lipatan
26. Rajah berikut menerangkan ciri-ciri Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.



Apakah X

- A Sultan
 B Menteri Besar
 C Majlis Negeri
 D Jemaah Pangkuan
27. Mengapakah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menyokong Malayan Union?
- A Pembentukan negara republik
 B Pemerintahan bersifat demokrasi
 C Pengekalan sistem feodal Melayu
 D Pengenalan raja berperlembagaan

28 Senarai berikut merujuk kepada akhbar semasa Malayan Union diperkenalkan?

- | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Majlis • Utusan Melayu • Warta Negara |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah peranan akhbar tersebut?

- A Menyeru pemogokan umum
- B Mengajak orang Melayu bersatu
- C Menyebarkan ideologi demokrasi
- D Memulau pelantikan Gabenor

29 Apakah tujuan Vyner Brooke menghantar Gerald MacBryan berunding dengan pembesar tempatan?

- A Menamatkan penguasaan asing
- B Penyerahan Sarawak kepada British
- C Pemulihan kuasa pembesar tempatan
- D Mengembalikan kedudukan Raja Putih

30. Jadual berikut merujuk kepada tokoh yang mengadakan rundingan di King's House, Kuala Lumpur dengan Sir Henry Gurney pada bulan Julai 1950?

Tokoh	Wakil
Dato' Onn Ja'afar	Melayu
Dr. Lee Tiang Keng	Cina
Dato' E.E.C. Thuraisingam	India

Mengapakah rundingan tersebut diadakan?

- A Pelaksanaan Sistem Ahli
- B Membincangkan kemerdekaan
- C Penentuan pilihan raya umum
- D Menyelesaikan masalah perpaduan

31. Senarai berikut merujuk kepada peristiwa penting yang berlaku pada tahun 1953.

- | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Persidangan Kebangsaan • Konvensyen Kebangsaan |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah persamaan peristiwa tersebut?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Mewujudkan kerjasama politik
- C Mengadakan kerjasama ekonomi
- D Mendesak diadakan pilihan raya

32. Pernyataan berikut berkaitan dengan proses dekolonisasi.

Proses dekolonisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun dapat dilaksanakan melalui penubuhan Malaysia

Apakah matlamat proses tersebut?

- A Penubuhan tentera
- B Penguasaan pasaran
- C Peningkatan pelaburan
- D Pemberian kemerdekaan

33 Dialog berikut mungkin berlaku antara Lee Kuan Yew dengan Tunku Abdul Rahman pada awal tahun 1960an

Lee Kuan Yew	:	Tunku, tolonglah bantu kami menangani ancaman komunis di Singapura.
Tunku Abdul Rahman	:	Saya fikir pembentukan Malaysia mungkin dapat menyelesaikannya.

Apakah nilai yang sesuai untuk menjelaskan kerjasama tersebut?


- A Berdikari
- B Dedikasi
- C Toleransi
- D Setia kawan

34. Maklumat berikut menerangkan peristiwa penentangan Indonesia terhadap gagasan Malaysia.

Tarikh	Peristiwa
20 Januari 1963	Kempen Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia

Mengapakah Indonesia bertindak demikian?

- A Tidak dijemput untuk berunding
 - B Terpengaruh dengan dakwah komunis
 - C Terpedaya dengan penjajah Belanda
 - D Tindakan perluasan wilayah terhalang
35. Andaikan anda dilantik menjadi seorang senator. Manakah boleh dikaitkan dengan jawatan tersebut?
- A Dipilih melalui pilihan raya
 - B Menganggotai Dewan Rakyat
 - C Dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agung
 - D Menyandang jawatan selama lima tahun
36. Rajah berikut menunjukkan bidang tugas mahkamah.



Apakah X?

- A Mentafsir pelebagaan negara
- B Menggubal undang-undang negara
- C Meluluskan undang-undang Parlimen
- D Mengisytiharkan undang-undang darurat

37. Maklumat berikut merupakan badan bebas yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Mengagihkan kewangan kementerian
 - B Menentukan bentuk pentadbiran jabatan
 - C Memastikan dasar negara dilaksanakan
 - D Melantik serta mengurus kenaikan pangkat
38. Jadual berikut menunjukkan pentadbiran peringkat negeri.

Negeri	Gelaran
Semenanjung Tanah Melayu	EXCO
Sarawak	Majlis Tertinggi
Sabah	X

Apakah X?

- A Kabinet
 - B Majlis Negeri
 - C Jemaah Menteri
 - D Dewan Undangan Negeri
39. Maklumat berikut merujuk kepada dasar luar Malaysia sebelum 1971.

Pro-Barat

Mengapakah Malaysia mengamalkan dasar luar tersebut?

- A Memperoleh bahan mentah
- B Memerlukan pasaran modal
- C Meningkatkan teknologi pertanian
- D Mendapatkan kepakaran perubatan

40. Jadual berikut berkaitan dengan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)

- Ditubuhkan pada bulan September 1961
- Dianggotai oleh negara di Asia, Afrika dan Amerika Selatan

Apakah matlamat pergerakan tersebut?

- A Mengekalkan keamanan dunia
- B Menggalakkan pertukaran teknologi
- C Mengukuhkan kerjasama pertahanan
- D Mengadakan pertukaran kebudayaan

KERTAS SOALAN TAMAT